

19 SEP 2000

Mahathir-Ilmu

PENGUASAAN ILMU PERLU DIGANDINGKAN DENGAN NILAI MULIA

KOTA KINABALU, 19 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, selain daripada menguasai ilmu pengetahuan, rakyat perlu mempunyai nilai hidup yang mulia supaya ilmu yang diperolehi itu digunakan dengan baik.

Gandingan antara ilmu dan budaya yang mulia dan tinggi merupakan kunci sebenar kepada kebahagiaan hidup individu dan kemajuan bangsa dan negara, katanya.

Beliau berkata banyak bangsa di dunia memiliki ilmu yang tinggi tetapi mereka menggunakan ilmu itu untuk menindas bangsa-bangsa yang lemah.

"Ilmu Matematik digunakan untuk perniagaan mata wang yang menyebabkan kegawatan ekonomi dan krisis kewangan yang memiskinkan negara membangun serta rakyatnya," kata Dr Mahathir di majlis perasmian kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini, hari ini.

Kerajaan telah cuba menerapkan nilai-nilai mulia Islam dalam pentadbiran kerajaan tetapi ada antara mereka yang dipertanggungjawabkan untuk menerap nilai-nilai itu telah mengkhianati tujuan itu, kata Dr Mahathir.

Golongan itu telah memutar-belitkan ajaran Islam supaya ia menjadi propaganda parti politik, katanya.

Dr Mahathir berkata golongan itu telah menjadi pegawai yang tidak beramanah dan tidak bertanggungjawab sehingga pentadbiran tidak lagi profesional dan tidak menyumbang kepada kemajuan negara.

"Oleh kerana itu, apabila institusi pengajian tinggi mengadakan kursus moral dan etika serta pendidikan agama Islam, amatlah penting mereka yang dipertanggungjawabkan diawasi supaya tidak berlaku penyelewengan dan pengkhianatan terhadap usaha murni ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, golongan itu harus disingkir sekiranya mereka didapati menyeleweng daripada kewajipan mereka.

Menurut beliau, institusi pendidikan di semua peringkat harus faham akan perlunya gabungan antara ilmu pengetahuan dengan budaya yang mulia kerana ini akan membantu institusi itu menyumbangkan kepada kemajuan negara.

Dr Mahathir juga berkata, universiti bukanlah sebuah gedung ilmu yang terpisah daripada masyarakat di sekeliling.

Institut pengajian tinggi awam yang menggunakan wang rakyat seperti Universiti Malaysia Sabah (UMS) harus mengambilkira kepentingan rakyat dan negara, katanya.

"Sesiapa yang membelakangkan kepentingan rakyat seperti yang ditentukan oleh kerajaan pilihan majoriti tetapi sebaliknya mengutamakan kepentingan diri atau satu puak tertentu tidaklah layak diberi kepercayaan oleh kerajaan yang memerintah," kata Perdana Menteri.

Menyentuh peranan universiti, Dr Mahathir berkata ianya mesti dikaji semula dalam alaf baru yang begitu mencabar.

Kemajuan teknologi komunikasi yang mewujudkan dunia tanpa sempadan itu merupakan perubahan yang membawa banyak cabaran kepada masyarakat sejagat, katanya.

Sebagai contoh, peniaga dan kerajaan boleh ditekan sehingga menjadi miskin melalui dagangan elektronik peniaga, kata Dr Mahathir.

"Tetapi sebaliknya, jika kita tidak mempunyai iman yang kuat dan kita kuasai teknologi dan kecekapan menggunakan sistem komunikasi elektronik ini kita bukan sahaja akan dapat menangkis serangan-serangan terhadap kita, tetapi sebaliknya kita akan dapat melintasi sempadan negara asing dan meraih kekayaan mereka," kata Dr Mahathir.

Universiti tempatan perlu membuat kajian dan penjelasan berkenaan globalisasi serta teknologi komunikasi yang membawa perubahan radikal itu,

kata beliau.

Aplikasi teknologi yang terancang dalam semua bidang hendaklah dikaji-selidik, difahami dan digunakan, kata Perdana Menteri.

Para graduan dari universiti perlu diberi latihan dan ilmu yang mencukupi untuk menangani cabaran dunia tanpa sempadan supaya mereka bukan sahaja dapat menyelamatkan negara tetapi juga berupaya meraih lebih banyak faedah daripadanya, kata Dr Mahathir.

UMS yang ditubuhkan pada 24 Nov 1994 merupakan universiti awam yang kesembilan di Malaysia.

-- BERNAMA

HAK PR